



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI PULAU PINANG**

DOKUMEN SEBUTHARGA

**KERJA-KERJA PENGUKUHAN TEBING SUNGAI JAWI SERTA
KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN**

No. SEBUTHARGA :

JPS/N/SH/SPS/D/54-2012



**Jurutera Daerah
Seberang Perai Selatan
Jabatan Pengairan Dan Saliran
Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi
14200 Seberang Perai Selatan**



JABATAN PENGAIKAN DAN SALIRAN DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

KERJA-KERJA PENGUKUHAN TEBING SUNGAI JAWI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN

No. Sebutharga : **JPS/N/SH/SPS/D/54-2012**

Isi Kandungan

Bil	Keterangan
1	Kenyataan Sebutharga
2	Dokumen A – Arahan Kepada Kontraktor Lampiran A1- Surat Akuan Pembida Lampiran A2- Surat Akuan Pembida Berjaya
3	Dokumen B – Syarat-Syarat sebutharga
4	Dokumen C – Borang Sebutharga
5	Dokumen D – Jadual Kadar Harga
6	Dokumen E – Kehendak Permulaan Dan Syarat-Syarat Am Spesifikasi
7	Dokumen 1(1)- Senarai Kerja Yang Telah Siap
8	Dokumen 1(2)- Rekod Pengalaman Penyebutharga
9	Pelan Punca
10	Pelan Pembida
11	Pelan Contoh Papan Sebutharga

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN



KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

No. SEBUTHARGA	TAJUK KERJA
JPS/N/SH/SPS/D/54-2012	KERJA-KERJA PENGUKUHAN TEBING SUNGAI JAWI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan :
- i) PKK di dalam KELAS F di bawah Kepala I, Sub-kepala 7(a) dan 7(b)
 - ii) CIDB di bawah tajuk G1 CE 21 atau G2 CE 21
 - iii) Berdaftar dengan e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang
3. Segala maklumat dan dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat di Pejabat Jurutera Daerah JPS Seberang Perai Selatan, Ting.3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi mulai dari 6 JULAI 2012 hingga 19 JULAI 2012.
4. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi dari laman web e-perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan bayaran sebanyak RM 10.00.
5. Pendaftaran sebutharga pada 12 JULAI 2012 akan bermula dari jam 9.00 pagi hingga 9.30 pagi sahaja. Sesiapa yang hadir selepas jam 9.30 pagi tidak akan dibenarkan mendaftar untuk sebutharga ini.
6. *Taklimat / Lawatan tapak akan diadakan pada 12 JULAI 2012 jam 9.30 pagi di Rumah Pam Nibong Tebal , Seberang Perai Selatan.
7. Sebutharga ini akan ditutup pada 19 JULAI 2012. Dokumen sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Daerah Seberang Perai Selatan, Ting 3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi, tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut. Resit pembelian hendaklah dikepilkan bersama Borang Sebutharga.

Nota :

*Sesi Taklimat adalah DIWAJIBKAN dan hanya TUAN LESEN kontraktor yang ditauliahkan dijemput menghadiri sesi taklimat dibenarkan memperolehi Dokumen Sebutharga.

.....
MOHAMAD HAFIZUL BIN HAMID
Jurutera Daerah
Jabatan Pengairan dan Saliran
Seberang Perai Selatan.

ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR

a) **HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

b) **CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

c) 2.1 **Penyediaan Sebutharga**

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya.

- a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebutharga,
- b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam borang Sebutharga,
- c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- d) Lampiran Spesifikasi yang ditandatangani.

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 **Penyerahan Dokumen Sebutharga**

Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga No. JPS/N/SH/SPS/D/54-2012

- a) serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
- b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- d) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebutharga pada tarikh tutup Sebutharga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib.

1. **Penjelasan Lanjut**

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi Pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

c) **PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

d) **TEMPOH SAH SEBUTHARGA**

Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Kontraktor tidak boleh menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Pengesyoran tindakan tata tertib akan diambil sekiranya Kontraktor menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.

e) **TEMPOH BANTAHAN**

Tempoh bantahan adalah ditetapkan selama 7 hari.

SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK PERKHIDMATAN

1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA

Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjelas Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. BON PERLAKSANAAN/INSURANS

- (a) Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga Sebutharga dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Bank Islam, Jaminan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bank Berhad, Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful atau memilih Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah 5% harga sebutharga. (bagi nilai sebutharga melebihi RM 50,000.00)
- (b) Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam * dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh perlaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pengawai Inden berhak mengambil tidak seperti di bawah pasal 9(d).

3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya.

4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tidak tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

**Potong jika tidak diperlukan*

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHKAN KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengasub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain, kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah dibawah Inden Kerja tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

7. RINGKASAN SEBUTHARGA

- (i) Ringkasan Sebutharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebutharga ini dan hendaklah menjadi atas Jumlah Harga Sebutharga.
- (ii) Harga-harga dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan sempurnanya.
- (iii) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harta akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebutharga atau dalam tempoh kerja.
- (iv) Harga-harga dalam ringkasan sebutharga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tetakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudianya kepada harga-harga dalam ringkasan sebutharga hendaklah dibuat sebelum Inden kerja dikeluarkan.
- (v) Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebutharga menurut perenggan (iv) tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebutharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebutharga hendaklah tetap tidak berubah.

8. PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA

Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebutharga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden.

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan perlaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- (e) Apabila Kontraktor diisyiharkan bankrap atau muflis.

10. KERJA PERUBAHAN

- (a) Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan Pegawai Inden atau disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebutharga ini.

- (b) Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ringkasan sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

11. TEMPOH LIABILITI KECACATAN

Kontraktor hendaklah membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan lain dalam tempoh Liabiliti Kecacatan, iaitu 6 bulan dari penyiapan kerja bagi nilai kerja kurang daripada RM50,000.00 dan 12 bulan bagi nilai kerja melebihi RM50,000.00.

12. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak undang-undang kecil dan undang berkanun dalam Malaysia semasa perlaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

13. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan mengembalikan Inden Kerja Asal.

DOKUMEN C

BORANG SEBUTHARGA

No. Sebutharga : JPS/N/SH/SPS/D/54-2012

**Jabatan Pengairan Dan Saliran
Seberang Perai Selatan,
Tingkat 3, Kompleks Pejabat Kerajaan,
14200 Sungai Jawi.**

Tuan,

Sebutharga Untuk :

**KERJA-KERJA PENGUKUHAN TEBING SUNGAI JAWI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN,
SEBERANG PERAI SELATAN**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Pentender, Syarat-syarat Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak

**Ringgit Malaysia.....
(RM**)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dengan sempurna dan memuaskan dalam masa12..... minggu dari tarikh mula kerja seperti yang di tetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada haribulan2012.

.....
(Tandatangan Pentender)

.....
(Tandatangan Saksi)

**Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :**

**Nama Penuh :
No. K/P :
Alamat :**

Atas sifat :

.....

.....Meteri atau Cop Syarikat

DOKUMEN D

No. SEBUTHARGA : JPS/N/SH/SPS/D/54-2012

**KERJA-KERJA PENGUKUHAN TEBING SUNGAI JAWI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN,
SEBERANG PERAI SELATAN**

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Amaun (RM)
1.0	<p>Kehendak kerja-kerja permulaan sebagai mana yang ditetapkan dalam kerja-kerja JPS, antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Penyedian tapak bina seperti pembersihan kawasan, memancang tanda (termasuk ukur aras), laluan dan jalan sementara.b) Polisi Insurans & Liabiliti Awam.c) Gambar-Gambar Pelaksanaan Kerja (sebelum, semasa dan selepas siap kerja dalam bentuk 'hardcopy' dan 'softcopy' dalam bentuk 'power point' dan disimpan dan diserah bersama 'pen drive' – 8GB dan CDR-W).d) Mengemas, membersih dan membaiki tapak apabila siap.e) Butiran-butiran lain, kehendak-kehendak permulaan dan syarat-syarat am yang tidak disebut di atas.	Harga Pukal	-	-
	JUMLAH HARGA DIBAWA KE MUKA SURAT D/2				

Sambungan dari muka surat D/1

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Amaun (RM)
2.0	<p>Harga Dari Muka Surat D/1</p> <p>KERJA-KERJA PENGUKUHAN TEBING</p> <p>Menyediakan segala keperluan tenaga buruh, mesin dan lain-lain peralatan bagi melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja pengukuhan tebing Sungai Jawi sepanjang 800m (dari Lintasan KTMB hingga bersebelahan kilang MALPOM)</p> <p><u>Kerja-kerja tersebut adalah termasuk seperti berikut:-</u></p>			
2.1	Mendalam dan meluruskan tebing kiri dan kanan Sungai Jawi (daripada Lintasan KTMB hingga bersebelahan kilang MALPOM) sepanjang kira-kira 800m panjang x 16m lebar x 1.5m dalam.	Meter	800
2.2	Membekal dan menjajar kayu bakau berukuran 100mm dia. X 4.8m panjang	Batang	1400
2.3	Membekal dan memasang "PVC Coated gabion bersaiz 2m x 1m x 1m lengkap dengan muatan batu pejal berukuran 150mm – 225mm (140m x 1m x 1m) x 1 lapis – Sebelah kiri (140m x 1m x 1m) x 1 lapis – Sebelah kanan	Meter ³	280
2.4	Membekal tanah leterite termasuk kerja-kerja memadat ban dan tebing	Meter ³	200
2.5	Membekal dan memasang 'geotextile' dan kerja-kerja berkaitan.	Meter ²	560
	JUMLAH HARGA DIBAWA KE BORANG SEBUTHARGA				

(Ringgit Malaysia :

(RM)

Kuantiti ini adalah hanya sebagai panduan sahaja kepada kontraktor dan Jabatan, ini tidak menjamin ketepatannya. Kerja-kerja adalah mengikut Sebutharga dan Spesifikasi yang dikepilkhan serta arahan Pegawai Penjaga.

KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM

1	Skop Kerja	1.1 Kerja yang diliputi dalam Sebutharga ini adalah kerja-kerja pengukuhan tebing Sungai Jawi serta kerja-kerja berkaitan , Seberang Perai Selatan oleh Pegawai Penguin yang kemudian ini disebut sebagai P.P.
2.	Tempat Letak Tapakbina	2.1 Tapak bina ini terletak di Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan.
3.	Harta Benda Yang Bersebelahan	3.1 Dimana harta benda yang bersebelahan dengan tapak kerja sentiasa digunakan oleh Majikan/tuanpunya-tuanpunya dan penghuni-penghuni yang bersebelahan. Kontraktor hendaklah mengatur dan menjalankan kerja itu dengan gangguan atau halangan yang minimum kepada penggunaan harta benda yang bersebelahan itu termasuk jalan-jalan, lorong-lorong jalankaki, lain-lain laluan dan sebarang, perkhidmatan di situ. Dia hendaklah menurut segala arahan atau petunjuk yang diberikan oleh P.P. di dalam hal-hal ini.
4.	Laluan Dan Jalan Sementara	4.1 Kontraktor hendaklah mengada dan menyenggarakan semua jalan masuk sementara ke tapak kerja, pembentong, lorong, jambatan sementara dan lain-lain yang perlu untuk laluan ke kawasan dan di dalam kawasan tapak kerja sepanjang mana yang diperlukan mengikut yang diluluskan oleh P.P. Lokasi laluan ke tapak kerja yang akan dibuat hendaklah seperti yang ditandakan di atas pelan tapak kerja atau sepetimana yang diluluskan oleh P.P. dan Kontraktor hendaklah membuat segala urusan dan mendapatkan semua kelulusan dan keizinan yang dikehendaki atas perbelanjaannya sendiri.
5.	Saliran Tapakbina	5.1 Kontraktor hendaklah mengadakan saliran yang sepatutnya untuk air permukaan dari tapakbina termasuk air hujan dari kawasan sekeliling yang mengalir ke tapak bina. 5.2 Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri, memperuntukkan, membentuk, memasang dan menyenggarakan apa-apa pam, pelongsor, dinding, longkang, batas-batas, perangkap-perangkap lumpur dan lain-lain kerja sementara yang perlu untuk saliran tapakbina yang sepatutnya supaya tidak berlaku banjir atau lain-lain kerosakan atau gangguan kepada kawasan-kawasan disekeliling kerja atau kepada kerja di sepanjang tempoh kontrak.
6.	Kerosakan Kepada Jalan-Jalan Yang Sediada Dll.	6.1 Kontraktor hendaklah mengatur untuk membawa bahan-bahan, loji-loji dan sebagainya supaya kerosakan kepada jalan-jalan dan pembentung-pembentung yang sedia ada adalah minimum. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan yang disebabkan oleh loji- oji atau pekerja-pekerjanya ke atas manapun jalan, pembentong dan sebagainya dan hendaklah menyenggara dan memperbaiki kerosakan-kerosakan itu mengikut sepetimana yang diluluskan oleh P.P atau sebaliknya, dia hendaklah menanggung kos penyenggaraan dan pemulihan tersebut sebagai potongan dari wang yang kena dibayar atau genap masanya dibayar kepada Kontraktor ini.

7.	Pekerja-Perkerja Dibataskan Ditapakbina	7.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab supaya semua orang di bawah kawalannya, termasuk mereka yang bekerja dengan Kontraktor –Kontraktor Kecil, pembekal-pembekal dan pengangkut-pengangkut dibataskan ditapak kerja dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan kerosakan dan apa jua gangguan dan hendaklah melepaskan tanggungan Kerajaan terhadap sebarang tuntutan yang timbul darinya.
8.	Pengambilan Kerja Buruh Tempatan Sub-Kontraktor	8.1 Semua buruh dan Sub-Kontraktor yang digunakan untuk kerja ini hendaklah diambil dari daerah atau negeri di mana kerja itu terletak. Kontraktor hendaklah sebaik sahaja selepas mengambil pemilikan tapakbina, berurus dengan Pejabat Buruh Tempatan, Pegawai Daerah atau Penghulu untuk pengambilan mereka bekerja. Dalam mana-mana keadaan sekalipun Kontrak tidak dibenarkan menggunakan buruh-buruh dan Sub-Kontraktor yang diimport melainkan P.P berpuashati bahawa mereka tidak boleh diperolehi didalam daerah atau negeri yang berkenaan.
9.	Butir-Butir Pekerja	9.1 Kontraktor hendaklah memberi kepada P.P. menyenggara dan mengemaskinkan satu senarai mengandungi semua pekerja-pekerjanya termasuk kesemua pekerja yang diambil bekerja oleh Sub-Kontraktor atau kesemua butiran di dalam borang yang dinyatakan di dalam Lampiran yang berkenaan pada Spesifikasi ini.
10.	Gambar Foto Kemajuan Kerja	13.1 Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar kemajuan kerja pada tiap-tiap bahagian dalam bentuk digital pada tiap-tiap sesi kerja pembinaan sangkar batu sepetimana yang diarahkan oleh P.P. Bilangan purata gambar foto yang diambil tiap-tiap bahagian pada sessi kerja pembinaan sangkar batu hendaklah mencukupi bagi menunjukkan kemajuan kerja pembinaan sangkar batu tetapi hendaklah tidak kurang daripada tiga pemandangan satu bahagian dan Kontraktor hendaklah menyerahkan kepada P.P dalam bentuk ‘Thumbdrive’ yang dipersetujui bersaiz 2GB, bersama-sama dengan tiga keping salinan gambar foto digital berwarna bersaiz poskad bagi setiap pemandangan yang diluluskan. Kesemua gambar foto digital tersebut hendaklah dicatitkan dengan tajuk dan tarikh ianya diambil. Kontraktor hendaklah juga membekalkan album yang sesuai untuk simpanan gambar tersebut dengan selamat.


SPESIFIKASI**No. SEBUTHARGA : JPS/N/SH/SPS/D/54-2012****KERJA-KERJA PENGUKUHAN TEBING SUNGAI JAWI, SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN,
SEBERANG PERAI SELATAN**

1. Kontraktor hendaklah menyediakan Insurans tanggungan awam dan pekerja. Semua jalan masuk dan kerja yang berkaitan adalah di bawah tanggungan kontraktor. Kontraktor hendaklah menyediakan gambar sebelum, semasa dan selepas kerja dilaksanakan dan kemukakan kepada pihak JPS Seberang Perai Selatan.
2. Sebutharga ini adalah termasuk menyediakan segala tenaga kerja, mesin jengkaut, pemindahan tanah dan segala peralatan kerja untuk menjalankan kerja-kerja pengukuhan tebing Sungai Jawi , Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan dan segala tumbuhan dan pokok yang berada di kawasan tapak kerja hendaklah dibuang dan dbersihkan.
3. Kontraktor perlu memeriksa dengan kos sendiri semua laluan kabel elektrik, telefon dan paip air untuk mengelakkan sebarang kerosakan ketika kerja-kerja dilaksanakan. Untuk itu, kontraktor perlu berurus dengan dengan pihak berkuasa berkenaan seperti TELEKOM, TNB dan PBA untuk mendapatkan kedudukan sebenar laluan kabel dan paip air.
4. Harga Sebutharga ini termasuklah kerja-kerja sementara seperti menyediakan ALTERNATIF untuk laluan jalan sementara, pembentung sementara dan lain-lain yang diluluskan supaya tidak berlakunya masalah banjir.
5. Kontraktor tidak dibenarkan mengangkut keluar pasir yang dikorek KECUALI mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pegawai Pengguna Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan.
6. Kuantiti yang disediakan adalah sebagai panduan dan semua kerja-kerja di tapak hendaklah mengikut spesifikasi dan arahan kerja Pegawai JPS. Sekiranya terdapat sebarang masalah hendaklah menghubungi pegawai JPS untuk pengesahan.

Spesifikasi diatas telah dibaca)
dan difahami sepenuhnya) Tandatangan kontraktor :
dan akan mematuhi syarat-syarat) Nama dan Cop :
yang telah ditetapkan)

PELAN PUNCA

LOKASI TAPAK UNTUK KERJA-KERJA PENGUKUHAN TEBING SUNGAI JAWI, SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN



DOKUMEN 1(1)

A. Rekod Pengalaman Kontraktor

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek		
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap	Tarikh Siap Sebenar

- Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari Jabatan/Agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan

DOKUMEN 1(2)**B. Senarai Kerja-kerja Dalam Tangan**

Bil.	Nama Projek	Jabatan/Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek		
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap	Tarikh Siap Sebenar

- *Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari Jabatan/Agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan*



**SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi**

Tajuk sebutharga: KERJA-KERJA PENGUKUHAN TEBING SUNGAI JAWI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN

NO. SEBUTHARGA: JPS/N/SH/SPS/D/54-2012

Saya, Nombor **K.P.** yang memiliki (Nama Syarikat)..... nombor pendaftaran (PKK) dengan ini mengistiharkan bahawa saya mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN PENGAIRAN dan SALIRAN** atau mana-mana individu lain, sebagai mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN PENGAIRAN dan SALIRAN** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak menambil tindakan-tindakan berikut :

1. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebutharga * di atas; atau
2. penamatkan kontrak bagi tender/sebut harga* yang ditandatangani tanpa bayaran gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah; dan
3. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Saksi,

.....
Nama :
No. KP:

.....
Nama :
No KP :

Cop Syarikat :

Catatan :* **Potong mana yang tidak berkaitan**



**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA
Bagi**

Tajuk sebutharga: KERJA-KERJA PENGUKUHAN TEBING SUNGAI JAWI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, SEBERANG PERAI SELATAN

NO. SEBUTHARGA: JPS/N/SH/SPS/D/54-2012

Saya, Nombor **K.P.** yang memiliki (Nama Syarikat)..... nombor pendaftaran (PKK) dengan ini mengistiharkan bahawa saya mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN PENGAIRAN dan SALIRAN** atau mana-mana individu lain, sebagai mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **JABATAN PENGAIRAN dan SALIRAN** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak menambil tindakan-tindakan berikut :

4. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebut harga * di atas;
atau
5. penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* yang ditandatangani tanpa bayaran gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah; dan
6. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Saksi,

.....

Nama :

No KP :

Cop Syarikat :


.....

Nama :

No KP :

Catatan :* **Potong mana yang tidak berkaitan**

PELAN : CONTOH PAPAN TANDA SEBUTHARGA

<p>NOTA</p> <ul style="list-style-type: none"> - 80 mm Tinggi huruf dan berwarna hitam, - 2 mm Tebal Kepinggan zink di skrew atau di revet pada bingkal kelulii sederhana keras bersaliz 20 x 20 mm. - Kepinggan zink di cat seperti diarangkan oleh P.P. - Tiang kayu 'grade B' bersaliz 50 x 40 mm 	<p>JURUTERA DAERAH :</p>	<p>DILUKIS : SHAHMAN TARikh : 25.02.2012</p>
<p>PROJEK KERAJAHAN NEGERI PULAU PINANG PROJEK : KONTRAKTOR : TARIKH MULA : TARIKH SIAP : NO TELEFON PEJABAT :</p>	 <p>200</p>	<p>DISEMAK :</p>
<p>1200</p>	<p>ARAS TANAH</p> 	<p>UKURAN : 110</p>
<p>1500</p>	<p>450</p>	<p>NO. LUKISAN :</p>